Dlm Perkara Vijayalakshmi d/o Arumugam Chellapah (ex p Hongkong & Shanghai Banking Corp Ltd)

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERKARA KEBANKRAPAN NO D2-29-6287-92
RICHARD TALALLA H
26 JANUARI 1995

Kebankrapan *— Notis kebankrapan — Permohonan untuk mengetepikan notis — Kecacatan dalam notis — Tarikh penghakiman yang dirujuk dalam notis salah — Sama ada kecacatan mungkin mengelirukan penghutang penghakiman — Sama ada notis kebankrapan sah — Sama ada petisyen pemiutang boleh dibatalkan — Akta Kebankrapan 1967 s 131*

Dalam kes ini, penghutang penghakiman membuat permohonan kepada timbalan pendaftar supaya membatalkan petisyen pemiutang yang difailkan terhadapnya. Alasan yang diberi ialah, antara lainnya, bahawa notis kebankrapan yang telah dikeluarkan terhadapnya adalah tidak sah kerana tarikh penghakiman yang dirujuk dalam notis kebankrapan adalah salah, dan dengan itu notis tersebut adalah cacat dan mesti diketepikan. Timbalan pendaftar menolak penghujahan penghutang penghakiman itu dan sebaliknya, membenarkan petisyen pemiutang. Penghutang penghakiman telah membuat rayuan.

Diputuskan, menolak rayuan itu:

(1) Mengikut s 131 Akta Kebankrapan 1967 ('Akta itu'), apa-apa kecacatan formal atau luar aturan tidak boleh mentaksahkan suatu prosiding kebankrapan, melainkan jika mahkamah berpendapat bahawa kecacatan atau luar aturan tersebut telah menyebabkan ketidakadilan substantial yang tidak boleh diremedikan oleh sebarang perintah mahkamah.

(2) Dalam konteks notis kebankrapan, sesuatu notis itu tidak dijadikan sah oleh s 131 Akta itu, jika pada pendapat mahkamah, kecacatan yang terdapat padanya merupakan jenis yang mungkin mengelirukan penghutang penghakiman apabila notis itu diserahkan kepadanya. Sebaliknya, jika kecacatan tersebut tidak merupakan jenis yang mungkin mengelirukan, maka ia adalah suatu kecacatan formal sahaja, dan notis adalah sah di bawah s 131.

(3) Dalam kes ini, mahkamah berpendapat bahawa kesilapan yang berkenaan dengan tarikh penghakiman tersebut adalah suatu kesilapan menaip sahaja. Ia tidak mengelirukan atau memudaratkan penghutang penghakiman. Lantaran itu, ia merupakan suatu kecacatan formal yang tidak mentaksahkan notis kebankrapan. Selain daripada kesilapan tarikh tersebut, perkara-perkara lain yang terkandung di dalam notis itu adalah dinyatakan dengan betul dan tepat. Lagipun, tiada keterangan

A yang menunjukkan bahawa terdapat kes lain terhadap penghutang penghakiman di mahkamah yang sama.

[English summary

In this case, a judgment debtor applied to the deputy registrar to B strike out the creditor's petition which had been filed against him. The ground given by the judgment debtor was, inter alia, that the bankruptcy notice issued to him was invalid because the date of the judgment referred to in the notice was incorrect, and as such, the notice was defective and must be set aside. The deputy registrar C rejected the argument and allowed the creditor's petition. The judgment debtor has appealed.

Held, dismissing the appeal:

(1) Pursuant to s 131 of the Bankruptcy Act 1967 ('the Act'), any formal defect or irregularity cannot invalidate a bankruptcy D proceeding, unless the court is of the opinion that the defect or irregularity has caused substantial injustice which cannot be remedied by any order of the court.

(2) In relation to a bankruptcy notice, a notice is not validated by s 131 of the Act if, in the opinion of the court, it is of such a kind E as can reasonably mislead a judgment debtor upon whom it is served. On the other hand, if it cannot reasonably mislead the judgment debtor, it will be a formal defect, and the notice is validated by s 131.

(3) In this case, the court was of the opinion that the error made in F relation to the date of the judgment was a typing error. It neither caused confusion nor prejudiced the judgment debtor. Thus, it was a formal defect which would not invalidate the bankcruptcy notice. Other than the error concerning the date, the other matters contained in the notice had been all stated correctly and accurately. Moreover, there was no evidence which showed that G there was another case against the judgment debtor in the same court.]

[*Nota penyunting*: Perayu telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan melalui Rayuan Sivil No W–03–5–95.]

H

Nota

Untuk kes mengenai notis kebankrapan, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed), perenggan 1040–1083; [1989] Mallal's Digest 71–76; [1990] Mallal's Digest 50–56; [1991] Mallal's Digest 122–136; [1992] Mallal's Digest 98–109; [1993] Mallal's Digest 76–82.

I Untuk kes mengenai petisyen pemiutang, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed) perenggan 1117–1127; [1989] Mallal's Digest 77; [1990] Mallal's Digest 57–62; [1991] Mallal's Digest 138–148; [1992] Mallal's Digest 111–126; [1993] Mallal's Digest 84–90.

Kes-kes rujukan

Goh Wui Lee, ex p Standard Chartered Bank, Re [1991] 1 CLJ 170 (diikut)

Ismail bin Daud & Anor, ex p Universal Life and General Insurance Sdn Bhd, Re [1990] 1 MLJ 118 (diikut)

Rengasamy Pillai v Comptroller of Income Tax [1970] 1 MLJ 233 (diikut)

Undang-undang rujukan

Akta Kebankrapan 1967 ss 3(1)(i), 131

Sri Dev Nair (*Ram, Rais & Partners*) bagi pihak perayu.
Wong Kok Leong (*Nik Hussain & Partners*) bagi pihak responden.

Cur Adv Vult

Richard Talalla H: Ini adalah suatu rayuan oleh penghutang penghakiman terhadap keputusan yang dibuat oleh timbalan pendaftar terhadapnya. Terdapat satu persoalan sahaja dalam rayuan ini, iaitu sama ada notis kebankrapan adalah sah di sisi undang-undang atau tidak.

Fakta dalam kes ini yang dipersetujui oleh kedua-dua peguambela adalah seperti berikut:

Pada 3 Jun 1992, responden telah memperolehi suatu penghakiman ingkar terhadap perayu untuk wang berjumlah RM15,203.23, dengan faedah dan kos sebanyak RM607.50 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur di bawah guaman sivil No 52–2921–92. Pada 12 Oktober 1992, atas permintaan responden, suatu notis kebankrapan dalam perkara ini telah dikeluarkan. Notis kebankrapan tersebut telah diserahkan kepada perayu pada 30 November 1992.

Isi kandungan notis kebankrapan tersebut adalah seperti berikut:

> Adalah diberi notis bahawa dalam masa tujuh (7) hari selepas notis ini disampaikan kepada kamu yang tidak termasuk hari penyampaian itu, kamu mestilah membayar kepada The Hongkong & Shanghai Banking Corp Ltd yang beralamat di Tingkat 7, No 19/21, Leboh Pasar Besar, 50050 Kuala Lumpur wang sebanyak RM17,755.67 pada 12 Oktober 1992 yang dituntut olehnya sebagai wang yang kena dibayar atas penghakiman muktamad bertarikh 30 September 1992 yang didapati olehnya terhadap kamu dalam Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur saman No 52–2921–92 ... (Tekanan ditambahkan.)

Perayu tidak mematuhi notis kebankrapan tersebut. Akibatnya, prima facie di bawah s 3(1)(i) Akta Kebankrapan 1967, satu perbuatan kebankrapan telah dilakukan oleh perayu. Oleh yang demikian, pada 23 November 1992, responden telah memfailkan satu petisyen pemiutang. Petisyen tersebut telah diserahkan kepada perayu dan telah ditetapkan di hadapan tuan timbalan pendaftar ('tuan timbalan') untuk penyelesaian.

Pada 23 September 1994, responden dan perayu melalui peguambela masing-masing menghadirkan diri di hadapan tuan timbalan. Pada hari tersebut, peguambela bagi pihak perayu telah mengemukakan dua hujah. Salah satu hujah adalah bahawa notis kebankrapan tidak sah sebab notis kebankrapan tersebut telah merujuk kepada satu penghakiman yang tidak wujud. Menurut peguambela perayu, tarikh penghakiman yang telah dirujuk dalam notis kebankrapan tersebut adalah 30 September 1992, tetapi pada hari tersebut, iaitu 30 September 1992, langsung tiada penghakiman yang dikeluarkan terhadap perayu yang memihak kepada responden. Penghakiman yang telah diperolehi oleh responden terhadap perayu adalah penghakiman bertarikh 3 Jun 1992. Oleh yang demikian telah dihujahkan oleh peguambela bagi pihak perayu bahawa notis kebankrapan tersebut tidak sah. Oleh kerana notis kebankrapan tersebut tidak sah, telah dipohon oleh peguambela bagi pihak perayu supaya notis kebankrapan tersebut diketepikan dan petisyen pemiutang dibatalkan. Tuan timbalan tidak bersetuju dengan penghujahan peguambela bagi pihak perayu dan telah menolak permohonan perayu. Sebaliknya, tuan timbalan telah membenarkan petisyen pemiutang serta memerintahkan perintah penghakiman dan perintah penerimaan terhadap perayu.

Perayu tidak berpuas hati dengan perintah yang telah diberi oleh tuan timbalan, dan merayu kepada mahkamah ini terhadap perintah tersebut.

Setelah meneliti fakta-fakta dalam kes ini, saya berpendapat bahawa s 131 Akta Kebankrapan 1967 ('Akta 1967') adalah terpakai. Seksyen itu berbunyi seperti berikut:

> No proceeding in bankruptcy shall be invalidated by any formal defect or by any irregularity, unless the court before which an objection is made to the proceeding is of opinion that substantial injustice has been caused by the defect or irregularity and that the injustice cannot be remedied by any order of that court.

Kes *Re Goh Wui Lee, ex p Standard Chartered Bank* [1991] 1 CLJ 170, telah diputuskan oleh Haidar H, hakim Mahkamah Tinggi berasaskan kepada s 131 Akta 1967. Keputusan oleh VC George H, hakim Mahkamah Tinggi (semasa itu) yang diberikan dalam kes *Re Ismail bin Daud & Anor, ex p Universal Life and General Insurance Sdn Bhd* [1990] 1 MLJ 118 juga berdasarkan kepada s 131 Akta 1967.

Kedua-dua kes tersebut bergantung kepada suatu prinsip yang diutarakan oleh Lord Diplock dalam kes Majlis Privy iaitu *Rengasamy Pillai v Comptroller of Income Tax* [1970] 1 MLJ 233 di ms 236 seperti berikut:

> What then is a 'formal defect or irregularity' within the meaning of the section? This was discussed in relation to a bankruptcy notice in *Re A Debtor ex p The Debtor v Bowmaker Ltd* [1951] 1 Ch 313 in which the earlier authorities were considered. The test there laid down was whether the defect in the notice was of such a kind as could reasonably mislead a debtor upon whom it was served. If it was, the notice was not validated by the section notwithstanding that the particular debtor upon whom it was served

was not in fact mislead. If on the other hand it could not reasonably mislead the debtor it was a formal defect and validated by the section.

Saya berpendapat bahawa kesilapan berkenaan dengan tarikh penghakiman adalah suatu kesilapan menaip dan adalah suatu 'formal defect' sepertimana yang ditafsirkan oleh Lord Diplock dalam kes *Rengasamy*. Penghutang penghakiman tidak dikelirukan oleh sebab nama mahkamah di mana penghakiman itu diperolehi, iaitu Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, dan nombor kes dan tahunnya, iaitu 52–2921–92, jumlah penghakiman, iaitu RM15,203.23 dan kos, iaitu RM607.50, serta nama pemiutang, iaitu Hongkong & Shanghai Banking Corp Ltd, adalah betul dan tepat. Tiada apa-apa keterangan yang dibawa bagi menunjukkan terdapatnya kes lain terhadap perayu dalam mahkamah tersebut. Oleh kerana keterangan menunjukkan bahawa hanya terdapat satu kes terhadap perayu di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dan kes itu telah dikenalkan dengan nombor kes, iaitu 52–2921–92, maka tidak boleh dikatakan dengan munasabahnya bahawa seseorang yang munasabah akan dikelirukan hanya kerana tarikh penghakiman dinyatakan sebagai 30 September 1992 dan bukannya 3 Jun 1992. Oleh ini, mahkamah berpendapat bahawa kesilapan tersebut tidak menyebabkan apa-apa kekeliruan atau merunsingkan perayu sepertimana didakwa oleh perayu.

Setelah menimbangkan perkara-perkara ini secara keseluruhan, mahkamah ini berpendapat bahawa tiada apa-apa prejudis dialami oleh perayu akibat daripada kesilapan tersebut.

Dengan itu, rayuan ini ditolak dengan kos.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Isabel Liong